

29 MAY 1997

Abu Hassan - Kemenangan

KEMENANGAN DI KUALA SELANGOR PULIHKAN IMEJ BN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil serentak Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang di Selangor dan Repah, Negeri Sembilan serta kawasan Parlimen Kuala Selangor telah dapat memulihkan imej parti pemerintah itu setelah tewas di Teluk Intan.

Calon BN DUN Permatang, Datuk Abu Hassan Omar yang telah dinamakan sebagai bakal Menteri Besar Selangor, berkata kemenangan BN mengekalkan kerusi Permatang dan Kuala Selangor membuktikan Kuala Selangor tetap merupakan kubu kuat BN.

"Pilihan raya ini telah dapat memulihkan imej BN setelah tewas di Teluk Intan," katanya dalam ucapan kemenangan selepas pengumuman keputusan pengundian di Dewan Malawati, Kuala Selangor, malam ini.

Beliau berkata begitu juga dengan kemenangan BN di Repah setelah berjaya menumpaskan pembangkang, DAP.

Abu Hassan, yang dijadual mengangkat sumpah sebagai ADUN di hadapan Speaker Datuk Onn Ismail di pejabat Speaker di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di Shah Alam pada pukul 3 petang esok, berkata kemenangan itu adalah hasil kerjasama semua jentera Umno dan parti-parti komponen BN.

Abu Hassan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menelefon beliau dari Argentina kira-kira sejam sebelum keputusan diumumkan dan dimaklumkan bahawa BN telah menang.

"Dr Mahathir menyampaikan salam mesra dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan pilihan raya ini," katanya.

Beliau telah menghubungi Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memklumkan kemenangan BN di kedua-dua kerusi itu.

Anwar juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak dan jentera BN serta bersyukur di atas kemenangan itu.

Calon BN bagi Parlimen Kuala Selangor, Datuk Jamaluddin Adnan pula berkata beliau amat gembira dengan keputusan yang membawa mandat yang besar baginya dan Abu Hassan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed yang turut hadir di dewan itu berkata kemenangan BN di Kuala Selangor merupakan hadiah yang istimewa kepada Perdana Menteri.

"Mandat besar ini akan membolehkan Abu Hassan membawa Selangor ke tahap yang lebih cemerlang dalam pembangunannya yang memang sudah pesat," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh pula berkata kemenangan itu menunjukkan pengundi di Kuala Selangor mantap dan matang dari segi politik dan telah membuat pilihan yang cukup tepat dan cukup baik.

"Saya yakin Abu Hassan dan Jamaluddin akan membawa lebih banyak pembangunan bukan sahaja di sini tetapi juga di seluruh negeri," katanya.

Ketua Polis Negeri Datuk Arshad Mokhtar yang turut mengawasi keadaan di sekitar dewan itu berkata pada keseluruhannya pengundian hari ini berjalan lancar tanpa sebarang kejadian buruk. -- BERNAMA

TM OBA